

03/05/2000

Mandarinnet.com labur RM500,000 dalam Octopus

MANDARINNET.com, antara pembekal perkhidmatan gerbang dan kandungan hiburan terbesar di Hong Kong, dan Live-e.com, destinasi hiburan Internet di Asia Pasifik berpangkalan di Singapura, melabur lebih dari RM500,000 dalam ruang iklan dalam Octopus Online.

Laman web Octopus Online, yang dikendalikan Cosmos Discovery Sdn Bhd, anak syarikat HVD Entertainment, akan digunakan sebagai landasan untuk melancarkan beberapa kegiatan Mandarinnet.com.

Ketua Pegawai Eksekutif Cosmos Discovery, Damien Leong berkata, ini adalah selaras dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya lebih banyak syarikat teknologi maklumat tempatan menerokai industri Internet.

Leong berkata, syarikat itu boleh mencapai unjuran hasilnya dan akan melihat lebih banyak usaha sama dengan syarikat lain yang mahu memasarkan produk mereka melalui Octopus Online.

(END)